

01 MAR 2000

Ling-Landasan

KERAJAAN AKAN TERUSKAN LANDASAN BERKEMBAR RAWANG-IPOH

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan projek landasan berkembar Rawang-Ipoh dan bercadang untuk melanjutkannya ke Padang Besar di selatan Thailand, kata Menteri Besar Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini, selepas mesyuarat mingguan Kabinet, Dr Ling berkata oleh kerana ekonomi negara semakin pulih, Kabinet telah memutuskan projek itu boleh diteruskan.

Projek itu terpaksa ditangguhkan tahun lepas kerana kegawatan ekonomi dan ia kini dalam peringkat akhir rundingan harga bersama kontraktor-kontraktor terbabit.

Dr Ling berkata, sistem landasan berkembar itu ataupun jambatan darat menghubungkan Pelabuhan Klang ke Padang Besar bukan sahaja akan menyediakan sistem pengangkutan kontainer yang cekap tetapi juga akan mempercepatkan perjalanan kereta api penumpang.

Beliau berkata, kerajaan memutuskan untuk meneruskan dengan projek itu kerana ia berdaya maju ekoran permintaan besar daripada syarikat-syarikat perkapalan dan kontainer untuk membawa keluar barangan daripada pusat-pusat kutipan ke pelabuhan serta tempat lain menggunakan sistem kereta api.

Lebih-lebih lagi, katanya sebuah syarikat kontainer gergasi yang beribu pejabat di Hong Kong baru-baru ini telah menunjukkan minat untuk menjadi pengguna utama jambatan darat itu apabila ia siap kelak.

Beliau berkata, anggota-anggota lembaga pengarah Orient Ocean Container Line (OCCL) telah menyatakan minat mereka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengunjungi beliau di pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, OCCL merupakan pengguna utama jambatan darat di Amerika Syarikat untuk mengangkut kontainer merentasi negara itu.

Mengenai rancangan kerajaan untuk membeli kereta api sending Padalino dari Itali, Dr Ling berkata landasan berkembar itu sesuai bagi kereta api itu tetapi perlu menunggu sehingga ekonomi pulih sepenuhnya.

-- BERNAMA

AKT PR